

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 17/06/2019
Edisi / Muka Surat : Utara / 22
Tajuk : Tawar permit dapur arang kepada koperasi

Tawar permit dapur arang kepada koperasi



Abdul Fattah (tiga dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Setiausaha Koperasi Azam Berhad, Othman Ghazali (tiga dari kiri) selepas merasmikan mesyuarat agung koperasi itu semalam.

TAIPING - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) semalam meminta kerajaan Perak dan Jabatan Perhutanan negeri menawarkan permit dapur arang secara terus kepada koperasi yang terbabit dalam industri berkenaan.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu perlu kerana terdapat tiga koperasi di negeri ini yang terbabit dengan industri memproses arang kayu bakau bagi memenuhi permintaan tempatan.

Beliau berkata, industri dapur arang tidak banyak diceburi oleh koperasi di negara ini dan salah satu

yang aktif sejak 37 tahun lalu adalah Koperasi Azam Berhad, Kampung Dew dekat sini.

"Koperasi ini sudah mempunyai pengalaman dan kerajaan negeri perlu membantu kerana industri ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Azam Berhad ke-37 di sini semalam.

Abdul Fattah berkata, walaupun terdapat pembakar moden elektrik, namun arang masih mempunyai permintaan kerana ia mengeluarkan aroma bau yang enak pada makanan.

Selain itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa sedia membantu koperasi yang terbabit dalam industri arang untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Masalah modal pusingan boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkasa boleh membantu koperasi kerana industri ini berpotensi untuk dikembangkan," katanya.

Menurut beliau, Angkasa sedia menyokong penuh kerana pihaknya mahu koperasi menceburi bidang perniagaan baharu dan mampu mempunyai pulangan yang baik sekali gus membantu ahli. - Bernama